

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L  
ARULANANDRAM [ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN NO. 37**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan Status Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 dan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian pada masa yang akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 digubal untuk memastikan pemuliharaan biodiversiti, penggunaannya secara mampan dan faedah yang terhasil daripadanya dikongsi secara adil dan saksama oleh setiap lapisan masyarakat. Dasar ini mencerminkan komitmen Malaysia terhadap ketetapan Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*Convention on Biological Diversity* - CBD) dan Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

## NO. SOALAN : 37

2. Pencapaian Dasar ini bagi tempoh 2016 hingga 2019 telah dilaporkan dalam Laporan Kebangsaan yang ke-6 kepada CBD. Laporan ini menunjukkan bahawa Malaysia telah mencapai sebahagian besar sasaran yang telah ditetapkan. Antara pencapaian yang dicatatkan adalah pengurusan kawasan perlindungan, penguatkuasaan dan pengawalan jenayah hidupan liar, akses kepada sumber biologi dan perkongsian faedah dan mobilisasi sumber. Laporan Kebangsaan juga menunjukkan bahawa faktor kewangan, sumber manusia dan pengarusperdanaan (*mainstreaming*) biodiversiti dalam sektor-sektor utama masih menjadi kekangan untuk memenuhi sasaran Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan.

3. Mulai tahun ini, Kementerian akan melaksanakan beberapa aktiviti berkaitan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan antaranya:

- (i) menyemak semula Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan dengan mengambil kira keperluan semasa dan obligasi antarabangsa seperti *Post-2020 Global Biodiversity Framework*;
- (ii) mengarusperdanakan biodiversiti dalam sektor-sektor utama antara lainnya melalui projek *Mainstreaming Biodiversity Conservation into River Management* dan *Biodiversity Conservation and Management or Protected Areas in ASEAN (BCAMP)*; dan
- (iii) mengukuhkan pangkalan data biodiversiti kebangsaan iaitu *Malaysia Biodiversity Information System (MyBIS)*.

Sekian, terima kasih